


Fakta Perkhidmatan

Diselaraskan oleh **Md Nizam Azid** nizam@unimap.edu.my,
Mazmin Mat Akhir mazmin@unimap.edu.my dan
Mohd Shahrul Annuar Alawi shahrul@unimap.edu.my

Fakta Perkhidmatan

Statistik Penggunaan Science Direct 2005 – 2007



Faktor Impak Tertinggi

Tahukah anda jurnal apakah dalam bidang Artificial Intelligence?

Tiga jurnal yang memegang nilai faktor impak tertinggi berdasarkan penilaian Journal Citation Reports (JCR) adalah seperti berikut :

COGNITIVE BRAIN RESEARCH	3.769
Terbitan : Elsevier Science	
ISSN : 0926 – 6410	
IEEE TRANSACTIONS ON PATTERN ANALYSIS AND MACHINE INTELLIGENCE	3.579
Terbitan : IEEE Computer Society	
ISSN : 0162 – 8828	
MEDICAL IMAGE ANALYSIS	3.505
Terbitan : Elsevier Science	
ISSN : 1361 – 8415	

Tahukah Anda?

Katalog Atas Talian Perpustakaan

MENITI SEJARAH DAN PERKEMBANGAN KATALOG ATAS TALIAN PERPUSTAKAAN

Perkembangan teknologi menyaksikan bagaimana katalog perpustakaan berubah dari satu format kepada format yang lain. Generasi muda pasti tidak sempat menggunakan kad katalog yang disusun di dalam kabinet kayu yang dipaparkan pada **gambar 1**. Katalog atas talian perpustakaan atau OPAC kini sangat meluas penggunaannya. Sumber ini boleh diakses secara atas talian melalui rangkaian Internet tanpa batasan masa. Perkembangan katalog perpustakaan amat menarik untuk dikongsi bersama pembaca INFRA.

KAD KATALOG AWAL

Kad katalog mula dihasilkan di Paris semasa era Revolusi Perancis di sekitar tahun 1789. Pada masa itu, **Constituent Assembly** memperolehi buku dan monograf dan seterusnya diedarkan ke beberapa lokasi di Paris. Staf di setiap depot telah menjalankan kerja-kerja merekod maklumat asas mengenai buku-buku berkenaan di atas kad. Koleksi kad ini disusun dan dikumpulkan untuk dihantar ke **Paris Bureau de Bibliographie**. Keadaan kegawatan dan kesempitan pada zaman peperangan menyebabkan sejenis kad permainan digunakan untuk tujuan berkenaan.

Penulisan mengenai kad katalog awal dihasilkan oleh **Henry Sharp** pada tahun 1935. Menurut beliau lagi, kad katalog awal mula diperkenalkan di perpustakaan British dan Amerika sekitar tahun 1876. Pada tahun yang sama, **Library Bureau** telah ditubuhkan dan dipimpin oleh **Melvil Dewey**. Profesional maklumat sentiasa mengingati sumbangan **Melvil Dewey** dan **Thomas Edison** yang bertanggungjawab dalam mengkaji, membangunkan dan menyempurnakan kad katalog untuk manfaat perpustakaan.

PERANAN LIBRARY BUREAU

Library Bureau, seterusnya memainkan peranan membekal dan memasarkan kabinet atau rak penyimpanan kad serta kad katalog berkenaan. Syarikat ini yang ditubuhkan semenjak 1881 telah berupaya memasarkan pelbagai produk berkaitan kad katalog. Antaranya ialah kabinet katalog yang direka khusus untuk menyimpan kad katalog standard berukuran 7.5 x 12.5 cm. (**lihat Gambar 2**)

Bersambung di keluaran akan datang.

Rujukan : "History_of_the_Card_Catalog"2008. <http://liswiki.org/wiki>